

BERITA HARIAN, SABTU, 25 JULAI, 1981

"Amalkanlah dari peringkat atas"

"Mahathir: Etika Khidmat Cemerlang dari peringkat atas", kata sebuah kepala berbentuk anak panah hitam di muka hadapan Berita Harian hari ini, Julai, 24, 1981. Berita berikutan berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir mengarahkan supaya Etika Perkhidmatan Cemerlang diamalkan dari peringkat atas.

Arahan ini dikeluarkan dalam pertemuan dua jam dengan Ketua-ketua Setiausaha Kementerian di Bilik Persidangan Jabatan Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr. Mahathir menekankan pentingnya Etika Perkhidmatan Cemerlang diamalkan dari peringkat atas untuk dicontohi oleh kakitangan di bawah.

Komen Penulis:

"Etika Perkhidmatan Cemerlang hendaklah diamalkan dari peringkat atas" — makkul sekali apa yang diperkatakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir itu, kerana satu-satu perintah atau arahan yang dikeluarkan oleh Ketua atau orang atasan kepada orang bawahan tentu sekali tidak akan membawa kesan atau apa jua makna, jika perintah berkenaan berpandukan kepada prinsip, "Lakukan apa yang aku kata dan tidak apa yang aku lakukan..."

Sebagai misalan semata-mata — bagaimanakah orang bawahan boleh menganggap serius arahan orang atasan supaya, misalnya, mereka, yakni orang bawahan, datang bekerja pukul 8.30 pagi, kalau ketua sendiri datang pukul 10.00? Atau bagaimanakah orang bawahan boleh menghormati perintah orang atasan jika orang atasan, yang mengeluarkan perintah supaya orang bawahan bekerja dengan rajin dan kuat, itu sendiri goyang kaki dan bergantung bulat-bulat kepada tenaga, kebijaksanaan dan sumbangan orang bawahan, sama ada dalam kerja besar dan berat ataupun kecil dan ringan? Atau, fikirkan sahajalah kesannya ke atas perasaan dan jiwa orang bawahan, jika orang atasan berkata kepada orang bawahan, "Kamu semua mesti setiap saat berkhidmat dengan penuh dedikasi dan minat kepada rakyat," sementara orang atasan itu sendiri bermain "golf" di waktu pejabat? (Nota: Jangan salah sangka — kesemua ini, seperti disebutkan awal tadi, adalah ilustrasi atau misalan semata-mata).